

Newspaper	Berita Harian
Date	12/1/2011



NAJIB bersama wakil syarikat selepas mengumumkan pelancaran 19 EPP di Putrajaya, semalam.

Najib umum 19 lagi EPP

bektor minyak, gas dan tenaga jadi peneraju utama

Oleh Magendran Rajagopal
magendran@bharian.com.my

PUTRAJAYA: Datuk Seri Najib Razak semalam mengumumkan 19 lagi Projek Permulaan (EPP) di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP), yang mampu menjana pelaburan hampir RM67 bilion dan RM36 bilion pendapatan negara kasar, selain mewujudkan 35,000 peluang kerjajabar u."

Perdana Menteri berkata, 19 EPP dan projek pembangunan itu membabitkan 10 Bidang Ekonomi Utama Nasional (NKEA) dengan sektor minyak, gas dan tenaga sebagai peneraju utama.

Katanya, ExxonMobil Exploration and Production Malaysia Inc bersama rakan kongsi pengeluarannya, Petronas Carigali kini bercadang melabur lebih RM10 bilion bagi memperkukuh bekalan tenaga negara pada masa depan, manakala Shell Malaysia berbelanja RM1.5 bilion bagi menaik taraf serta memantapkan operasi sedia ada.

"Itizam perbelanjaan ini

bagi mengukuhkan lagi usaha mencari gali di medan Tapis dan program pembangunan gas Telok di pesisiran pantai Semenanjung Malaysia selain memberi nafas baru kepada kemudahan yang semakin usang, sekali gus memacu pembangunan sektor gas asli negara.

"Perkembangan ini berikutan pengumuman insentif percukaian baru niengikut Akta Cukai Pendapatan Petroleum (PITA) November tahun lalu," katanya yang juga Menteri Kewangan ketika

" Saya menjangka kesan penggandaan ketara daripada projek Pengerang untuk merangsang ekonomi dan di bawah ETP, ia diunjur menjana pendapatan negara kasar RM1.6 bilion menjelang 2020"

Najib Razak
Perdana Menteri

mengumumkan perkembangan terkini ETP ketiga, di sini semalam.

Sejak dilancar pada 25 Oktober lalu, 18 EPP sudah diumumkan. Antara 19 EPP baru yang diumumkan termasuk mengembangkan loji lilin Sintesis Penyulingan Pertengahan Shell (MDS) di Bintulu, pembinaan unit memproses diesel di Kilang Penapisan Shell Port Dickson dan pembangunan air dalam Gemusut di luar pesisir Sabah.

Kegiatan lain sektor minyak dan gas menyaksikan Dialog Group Bhd mengetuai konsortium membabitkan kerajaan Johor dan Vopak membangunkan satu projek terminal petroleum air dalam persendirian RM5 bilion di Pengerang, Johor.

Najib berkata, apabila siap, keseluruhan projek berupaya menyediakan loji penyimpanan petroleum sehingga lima juta meter padu dan melakar nama negara sebagai hab penyimpanan minyak terunggul rantau ini.

"Saya menjangka kesan penggandaan ketara daripada projek Pengerang untuk

merangsang ekonomi dan di bawah ETP, ia diunjur menjana pendapatan negara kasar RM1.6 bilion menjelang 2020," katanya.

Menerusi NKEA Perkhidmatan Perniagaan pula, beliau yakin peranan MyTelehaus, CSF Group dan pusat data Teliti International membantu negara meningkatkan jualan ruang lantai pusat data bagi mengukuhkan kedudukan sebagai hab data bertaraf dunia.

Merujuk NKEA Penjagaan Kesihatan, Najib berkata perbadanan milik penuh Universiti Malaya, UM Holdings Sdn Bhd akan mewujudkan Metropolis Kesihatan Universiti Malaya di Petaling Jaya dengan menyepadukan penjagaan kesihatan, penyelidikan biologi dan pasca pendidikan.

"Secara umum, kesan ETP kian ketara, keyakinan sektor perniagaan dan pelabur terhadap ekonomi Malaysia kini semakin tinggi berdasarkan prestasi Bursa Malaysia yang mencecah tahap penutup tertinggi pada 7 Januari iaitu 1,572.21 mata," katanya.